Jurnal Fiqh, Vol. 20 No. 1 (2023) 61-92

**Received:** 2023-05-01 **Accepted:** 2023-06-23 **Published:** 2023-06-30

# POLEMIK AMALAN *KHITĀN* WANITA DI MALAYSIA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM: SATU SOROTAN*

# Polemics Surrounding Female Circumcision Practices in Malaysia from an Islamic Perspective: A Review

**Norazam Khair Mohd Ithnin****
**Ishak Suliaman*****
**Abdul Halim Ibrahim******

## ABSTRACT

*The practice of female circumcision in Malaysia has been heavily criticized as being similar to Female Genital Mutilation (FGM) in Africa. This criticism followed a 2018 United Nations Human*

* Kajian ini menggunakan dana yang diperuntukkan oleh Universiti Malaya melalui geran khas penyelidikan (GKP). Artikel ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan GKP yang bertajuk "Khitan Wanita Menurut Fiqh al-Hadith: Pembinaan Garis Panduan Amalan Khitan Wanita di Malaysia" di bawah peruntukan dana geran GKP UMG008L-2002.

** PhD Candidate, SLAI Fellow, Department of al-Quran and al-Hadith, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur. norazamithnin@um.edu.my (Corresponding Author)

*** Associate Professor, Department of al-Quran and al-Hadith, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur. ishakhs@um.edu.my

**** Senior Lecturer, Applied Science With Islamic Studies Programme, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur. ahalim_ibrahim@um.edu.my

*Rights (UNHR) Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination against Women (CEDAW) recommendation, which called on Malaysia to stop the practice. Among the claims made were that female circumcision is just a tradition and not a religious requirement, and that the hadith used to justify the practice is not authoritative. This study aims to identify the polemics surrounding the practice of female circumcision in Malaysia. It is an initial qualitative study that uses content analysis to analyze data. The study found that there are five main reasons that have caused the polemics regarding female circumcision in Malaysia such as a disagreement regarding the practice of female circumcision in Malaysia, with some viewing it as a local custom. Furthermore, contemporary scholars are debating its legitimacy based on the authentication of relevant hadith sources. Meanwhile, the different methods employed raise concerns about the understanding and implementation of female circumcision among medical practitioners in Malaysia, further exacerbated by the absence of authoritative guidelines on female circumcision by regulatory authorities in Malaysia. In conclusion, this study suggests that the polemics surrounding female circumcision in Malaysia must be resolved by continuing research that can produce safe and Shariah-compliant guidelines.*

**Keywords:** *female circumcision, female genital mutilation (FGM), Malaysia, tradition, hadith*

## PENGENALAN

Pada tahun 2009, Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam Malaysia (MKI) bersetuju untuk memutuskan bahawa hukum *khitān* wanita adalah wajib selagi mana tidak

membawa kepada kemudaratan.[1] Pada 20 Februari 2018 dalam *Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination against Women* (CEDAW) di Geneva yang dianjurkan oleh *United Nations Human Rights* (UNHR), Malaysia yang telah melaporkan bahawa amalan khitān wanita yang diamalkan di Malaysia adalah sesuatu yang berlainan daripada FGM. Malaysia juga mengatakan amalan tersebut tidaklah berbahaya dan menyatakan amalan tersebut perlu dilakukan oleh pegawai perubatan. Namun, Malaysia mendapat kritikan yang hebat daripada rakan-rakan negara yang lain. Jawatankuasa konvensyen itu tetap menganggap bahawa amalan *khitān* wanita di Malaysia adalah sebahagian daripada FGM yang dilarang oleh WHO dan suatu diskriminasi bagi kaum perempuan.[2]

Rentetan daripada itu, pada 7 Disember 2021 Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah mengadakan perbincangan meja bulat dengan memanggil pakar-pakar daripada pelbagai bidang untuk membuat kajian semakan semula berkenaan hukum amalan khitān wanita yang telah lama diamalkan di Malaysia. Perbincangan meja bulat ini diadakan adalah bertujuan untuk mendapatkan solusi yang terbaik sebelum diangkat semula kepada Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI).[3] Antara resolusi daripada perbincangan meja bulat ini ialah memastikan semua pihak menghormati Muzakarah Fatwa Kebangsaan yang telah dikeluarkan sejak 2009 serta mengesyorkan pihak berwajib membina sebuah garis panduan kepada pengamal perubatan bagi

---

1 Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, "Hukum Pemotongan Genitalia Wanita," diakses 24 Januari 2022, http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/15253.

2 CEDAW/C/MYS.CO/3-5: Concluding Observations on the Combined Third to Fifth Periodic Reports of Malaysia, 14 Mac 2018. Lihat juga: CEDAW/C/MYS/Q/3-5/Add.1: List of Issues and Questions in Relation to the Combined Third to Fifth Periodic Reports of Malaysia, 17 November 2017.

3 JAKIM (S).600-8/25/1, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) kepada Prof Madya Dr Ishak bin Suliaman, 1 Disember 2021.

menjalankan amalan *khitan* wanita ini.[4] Hal ini disebabkan oleh beberapa dakwaan yang menyamakan amalan *khitān* wanita di Malaysia dengan amalan *Female Genital Mutilation* (FGM) yang berlaku di benua Afrika dan menggunakan kajian Amirul Hassan (2019) sebagai hujah bahawa ḥadīth-ḥadīth yang dijadikan dalil amalan *khitān* wanita oleh sarjana Islam yang silam adalah lemah dan tidak berautoriti.[5]

Antara pihak yang berkeras dalam membantah amalan ini adalah gerakan *Sisters in Islam* (SIS). Mereka mendakwa perbuatan *khitān* wanita ini hanyalah tradisi dan bukan tuntutan agama.[6] Mereka juga mengadakan pelbagai program dan kenyataan bagi membantah amalan ini diteruskan dengan mengambil fatwa-fatwa negara luar yang membantah amalan ini.[7] Namun perkara ini dibantah boleh mantan Menteri Kesihatan Malaysia ketika itu iaitu Yang Berhormat Dr Dzulkefly Ahmad dengan menyatakan bahawasanya amalan *khitān* wanita bukanlah suatu amalan seperti FGM dan menasihati pelbagai pihak untuk mengambil pendekatan

4 Ishak Suliaman (Profesor Madya, Jabatan Al-Quran dan Al-Ḥadīth, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), dalam temu bual dengan pengkaji, 8 Disember 2021.

5 Mohd Amirul Hassan Ahmad Tajuddin, "Hadis-Hadis Khitān Wanita: Suatu Penilaian Semula Serta Implikasi Terhadap Diskusi Semasa", *al-Takamul al-Ma'rifi*, 2.2 (2019) 49-89.

6 Asian Pacific Resource and Research Centre for Women, "Malaysia Must End Female Genital Mutilation", dikemaskini 8 Februari 2019, diakses 26 Januari 2022, https://arrow.org.my/malaysia-must-end-female-genital-mutilation-asian-pacific-resource-and-research-centre-for-women/. Lihat juga: Sister in Islam, "Press Statement: Malaysia Must Protect Girls From Harmful Practices and End Female Genital Mutilation/Cutting", dikemaskini 4 Februari 2022, diakses 26 Januari 2022, https://sistersinislam.org/press-statement-malaysia-must-protect-girls-from-harmful-practices-and-end-female-genital-mutilation-cutting/.

7 Sister in Islam, "Seminar Sunat Perempuan: Mengenal dan #Pikirbalik Amalan Turun-Temurun", diakses 26 Januari 2022, https://www.facebook.com/watch/live/?ref=watch_permalink&v=268783057940372. Lihat juga: Sister In Islam, "Sesi Pembelajaran: Merungkai Persoalan Sunat Perempuan", diakses 26 Januari 2022, https://www.facebook.com/officialSIS/videos/889555505273451.

cermat berkenaan isu ini supaya tidak menyinggung mana-mana pihak.[8]

Keperluan untuk mengkaji konsep dan hakikat amalan *khitān* wanita di Malaysia merupakan kesinambungan daripada kenyataan mantan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) Yang Berhormat Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail yang telah menyatakan bahawasanya *khitān* merupakan suatu praktis budaya di Malaysia yang berlainan dengan amalan FGM Afrika namun perlu perbincangan terus antara KPWKM dan KKM untuk mengatasi masalah amalan khitān wanita di Malaysia.[9]

Selain itu, ketidakseragaman amalan yang diamalkan oleh pegawai perubatan juga memberikan implikasi terhadap polemik amalan *khitān* wanita ini. Menurut Khadijah Musa (2017), mendapati terdapat tiga cara *khitān* wanita yang diamalkan di Malaysia. Pertama, kaedah melukakan dan membuat hirisan kecil ke atas kelentit. Kedua, melukakan puncak klitoris dengan jarum steril. Ketiga, memotong sedikit hujung kulit klitoris sama ada menggunakan jarum dan pisau steril.[10]

---

8 Bernama, "Khatan bayi perempuan di Malaysia berbeza – Dr Dzulkefly," diakses pada 26 Januari 2022, dikemaskini pada 17 November 2018, https://www.astroawani.com/berita-malaysia/khatan-bayi-perempuan-di-malaysia-berbeza-dr-dzulkefly-191357.

9 Diyana Ibrahim, "Khatan perempuan: KPWKM akan bincang dengan Kementerian Kesihatan," diakses pada 26 Januari 2022, dikemaskini pada 2018, https://www.astroawani.com/berita-malaysia/khatan-perempuan-kpwkm-akan-bincang-dengan-kementerian-kesihatan-191177.

10 Khadijah Musa, "Study of Female Circumcision Methods Among General Practitioner in Terengganu, Malaysia", *2nd Congress of World Health Muslim Organization*, 2017.

Rajah 1: Kaedah *khitān* wanita yang diamalkan di Terengganu




Sumber: Khadijah Musa, *Study of Female Circumcision Methods Among General Practitioner in Terengganu, Malaysia*[11]

Berdasarkan maklumat yang telah dinyatakan dalam bahagian pengenalan, terdapat pertikaian berkenaan pensyariatan amalan *khitān* wanita yang diamalkan selama ini di Malaysia apabila adanya tanggapan sebahagian pihak bahawa ianya hanyalah adat dan juga tradisi penduduk setempat sahaja. Tambahan pula, telah berlaku perselisihan antara ulama kontemporari berkenaan hukum amalan khitān wanita ini. Hal ini disebabkan, terdapatnya isu autentikasi pada sumber hadith yang menjadi sandaran kepada amalan *khitān* wanita ini. Bukan itu sahaja, perbezaan cara dan kaedah *khitān* wanita ini juga menjadi tanda tanya berkenaan tahap kefahaman dan pengamalan pegawai perubatan di Malaysia berkenaan amalan *khitān* wanita ini. Seterusnya menatijahkan persoalan berkenaan keberadaan garis panduan *khitān* wanita oleh pihak berautoriti di Malaysia.

Justeru, dalam bahagian seterusnya akan dibincangkan secara terperinci berkenaan definisi *khitān* dari aspek bahasa, istilah serta hukum mengamalkannya menurut ulama silam, perbahasa amalan *khitān* wanita antara syariat Islam dan adat, perselisihan yang berlaku dalam ulama kontemporari, perselisihan status hadith *khitān* wanita, tahap kefahaman dan pengalaman pegawai perubatan di Malaysia dan garis pandua amalan *khitān* wanita oleh pihak berautoriti.

11 *Ibid*.

## DEFINISI *KHITĀN* DAN HUKUM MENGAMALKANNYA MENURUT ISLAM

*Khitān* merupakan perkataan yang berasal daripada bahasa Arab yang terdiri daripada tiga huruf iaitu "خَتَنَ", *kha-ta-na*. Menurut al-Layth, perkataan ini merupakan perbuatan dan amalan yang dilakukan ke atas kanak-kanak oleh seseorang yang berpengalaman dengan amalan berkhitān tersebut.[12] Perbuatan dan amalan yang dimaksudkan ialah suruhan memotong sesuatu yang terdapat pada kemaluan dari segala aspek sama ada prosedur pemotongan dan penyembuhan selepas amalan tersebut dilakukan.[13] Ada yang berpendapat bahawa perkataan *khitān* khusus untuk lelaki, manakala bagi wanita ialah *al-khafd.*[14] Ini disebabkan, *khitān* bermaksud memotong keseluruhan kulit yang terkumpul menutupi kepala kemaluan, manakalah *al-khafḍ* pula hanya memotong sedikit sahaja kulit yang menutupi kelentit sehingga menghilangkan kulit yang memerangkap bau yang tidak digemari dikawasan tersebut.[15] Selain itu, *al-khafḍ* juga bermaksud perbuatan memotong yang sedikit dan tidak berlebihan.[16] Ini kerana, *al-khafd* bersalahan dengan berbuatan *al-nahk* (النهك) dan *al-isti'ṣāl* (الاستئصال) yang berlebihan dalam memotong sehingga menghilangkan fungsi seksualiti kemaluan wanita tersebut.[17]

---

12 Abū Manṣūr Muḥammad bin Aḥmad al-Azharī al-Harawī, *Tahdhīb al-Lughah*, ed. Muḥammad ʿIwaḍ (Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-ʿArabī, 2001) 7: 132.

13 Abū ʿAbd al-Raḥmān al-Khalīl bin Aḥmad al-Farāhīdī, *Kitāb al-'Ayn*, ed. Mahdī al-Makhzūmī dan Ibrāhīm al-Sāmarāī (t.tp.: Dār Maktabah al-Hilāl, t.t.) 4: 238

14 Abū al-Ḥasan ʿAlī bin Ismāʿīl bin Sayyidihi al-Mursī, *al-Muḥkam wa al-Muhīṭ al-Aʿzam*, ed. ʿAbd al-Ḥumayd Hindāwī (Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, 2000) 5: 151.

15 Abū al-Qāsim Maḥmūd bin ʿAmrū al-Zamakhsharī, *al-Fā'iq fī Gharīb al-Ḥadīth wa al-Athar*, ed. ʿAlī Muḥammad al-Bijāwī dan Muḥammad Abū al-Faḍl Ibrāhīm (Lubnān: Dār al-Maʿrifah, t.t.) 1: 385

16 Abū al-Faḍl Muḥammad bin Mukarram bin Manẓūr al-Anṣārī, *Lisān al-'Arab* (Beirut: Dār Ṣādir, 1993) 7: 146

17 Jamāl al-Dīn Muḥammad Ṭāhir bin ʿAlī al-Ṣiddīqī al-Hindī, *Majmaʿ Biḥār al-Anwār fī Gharā'ib al-Tanzīl wa Laṭā'if al-Akhbār*, (t.tp.: Maṭbaʿah Majlis Dā'irah al-Maʿārif al-ʿUthmāniyyah, 1967) 3: 256

Bagi melihat definisi *khitān* daripada sudut istilah pula, perkataan *khitān* atau berkhatan menurut Kamus Dewan Edisi Keempat ialah bersunat, bersuci dan potong kulup. Amalan ini merupakan proses memotong kulit hujung zakar lelaki atau mengupas penutup kelentit perempuan. Selain itu, amalan ini dilakukan sewaktu seseorang itu dalam lingkungan umur yang masih kecil lagi dan bertujuan untuk mendedahkan kepala zakar dan kelentit bagi membersihkan segala kotoran pada takuk zakar dan kelentit.[18]

Berkenaan hukum mengamalkan *khitān* pula, mazhab al-Shāfiʿī perpendapat bahawa *khitān* bagi lelaki ialah proses memotong kulit yang menutupi *al-hashafah* (kepala zakar) sehingga ianya terdedah dan tiada kulit yang berlebihan disekitar *corona* kepala zakar tersebut yang boleh kembali tumbuh bagi menutupi kepala zakar atau sebahagiannya.[19] Manakala bagi perempuan *khitān* disebut sebagai *al-khafḍ* dan proses potongan yang diperlukan bagi *khitān* perempuan ialah lebihan kulit yang menutupi biji kelentit yang berada di atas faraj perempuan. Kulit tersebut berbentuk seperti bentuk balung ayam. Had potongan wajib ialah sekadar apa yang boleh dikatakan sebagai potongan. Namun meminimakan potongan kulit tersebut adalah dituntut oleh syarak

18 Kamus Dewan Edisi Keempat, entri, "berkhatan", laman sesawang Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM), diakses 14 Mac 2023, https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=berkhatan&d=243192&.

19 Abū al-Maʿālī ʿAbd al-Malik bin ʿAbd Allāh al-Juwaynī, *Nihāyah al-Maṭlab fī Dirāyah al-Mazhab*, ed. ʿAbd al-ʿAẓīm Maḥmūd al-Dīb (Riyāḍ: Dār al-Minhāj, 2007) 17: 354. Lihat juga: Abū ʿAmrū ʿUthmān bin ʿAbd al-Raḥmān bin al-Ṣalāḥ, *Fatāwā Ibn al-Ṣalāḥ*, ed. Muwwafiq ʿAbd Allāh (Beirut: ʿĀlim al-Kutub, 1987) 2: 442.

iaitu tidak memotong kulit tersebut secara keseluruhannya tetapi hanya perlu memotong sebahagiannya sahaja.[20]

Mazhab al-Shāfi'ī merupakan mazhab majoriti umat Islam di Malaysia. Justeru itu, menurut mazhab al-Shāfi'ī amalan khitān secara umumnya adalah wajib, sama ada untuk lelaki dan juga perempuan[21]. Selain mazhab al-Shāfi'ī, amalan khitān wanita ini juga diamalkan oleh mazhab-mazhab dalam Islam yang muktabar seperti mazhab Hanafi, mazhab Maliki dan mazhab Hanbali. Pun begitu, mereka berselisih dalam menentukan hukum bagi amalan ini.

Jadual 1: Pandangan Muktamad bagi setiap Empat Mazhab berkenaan Amalan *Khitān*

| Bil | Mazhab | Hukum |
|---|---|---|
| 1. | Mazhab Imam Abū Hanīfah | *Khitān* bagi lelaki dan wanita adalah *sunat*. Sebahagian ulama mazhab Ḥanafī mengatakan khitān wanita merupakan *makrumah* (kehormatan).[22] |

[20] Abū al-Maḥāsin ʿAbd al-Wāḥid bin Ismāʿīl al-Rūyānī, *Baḥr al-Mazhab fī Furūʿ al-Mazhab*, ed. Ṭāriq Fatḥī al-Sayyid (t.tp: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, 2009) 13: 144. Lihat juga: Abū Zakariyyā Muḥyī al-Dīn bin Sharaf al-Nawawī, *al-Majmūʿ Sharḥ al-Muhadhdhab*, (Kaherah: Idārah al-Ṭibāʿah al-Munīriyyah, 1928) 1: 302.

[21] Abū Yaḥyā Zakariyyā bin Muḥammad al-Anṣārī, *Asnā al-Maṭālib fī Sharḥ Rawḍ al-Ṭālib* (t.tp., Dār al-Kitāb al-Islāmī, t.t.) 4: 164.

[22] Muḥammad Amīn bin 'Umar bin 'Ābidīn, *Radd al-Muḥtār 'alā al-Dur al-Mukhtār* (Mesir: Maṭba'ah Muṣṭafā al-Ḥalabī, 1966) 6: 751.

| | | |
|---|---|---|
| 2. | Mazhab Imam Mālik bin Anas | *Khitān* bagi lelaki adalah *sunat* dan manakala khitān bagi perempuan adalah *mustaḥab* disebabkan amalan tersebut adalah *makrumah* (kehormatan) bagi mereka[23].[24] |
| 3. | Mazhab Imam al-Shāfi'ī | *Khitān* bagi lelaki dan perempuan adalah wajib.[25] |
| 4. | Mazhab Imam Aḥmad bin Ḥanbal | Muktamad dalam mazhab Ḥanbali, *khitān* adalah wajib bagi lelaki dan perempuan.[26] |

Sumber: Analisis Pengkaji

Daripada rajah ini, dapatlah dirumuskan bahawa setiap mazhab berpendapat bahawa amalan *khitān* adalah sesuatu yang disyariatkan baik *khitān* lelaki mahupun *khitān* wanita. Perbezaan pendapat antara mazhab ini hanya berada dalam lingkungan wajib, sunat dan harus. Tiada suatupun pendapat yang mengharamkan amalan ini.

## AMALAN *KHITĀN* WANITA: ANTARA SYARIAT ISLAM DAN ADAT TRADISI

Amalan khitān wanita yang diamalkan oleh masyarakat Islam sering dikaitkan dengan *Female Genital Mutilation* (FGM) yang dilarang oleh *World Health Organization* (WHO). FGM menurut

23 Di sisi mazhab Imām Malik, terdapat perbezaan antara istilah *sunat* dan *mustaḥab*. Sunat di sisi mereka adalah suatu amalan yang dinas oleh Nabi Muhammad SAW melalui hadith baginda lalu ianya adalah sesuatu yang sentiasa diamalkan oleh baginda tetapi amalan tersebut tidak dinaskan akan kewajipannya. Manakala, istilah *mustaḥab* adalah sama seperti *mandūb* dan *nāfilah*. Iaitu suatu amalan yang diamalkan oleh baginda tetapi ianya bukanlah sentiasa diamalkan. Lihat: Muḥammad bin Aḥmad al-Dusūqī, "Ḥashiyyah al-Dusūqī 'alā al-Sharḥ al-Kabīr", dicetak bersama Aḥmad bin Muḥammad al-Dardīr, *Sharḥ Mukhtaṣar Khalīl* (t.tp., Dār al-Fikr, t.t.) 1: 312

24 Muḥammad bin Muḥammad al-Shanqīṭī, *Lawāmi' al-Durar fī Hatki Astār al-Mukhtaṣar* (Mauritania: Dār al-Riḍwān, 2015) 5: 156.

25 Aḥmad bin Muḥammad bin Ḥajar al-Haytamī, *Tuḥfah al-Muḥtāj fī Sharḥ al-Minhāj* (Mesir: Maṭba'ah Muṣṭafā al-Ḥalabī, 1983) 9: 200.

26 Manṣūr bin Yūnus bin Idrīs al-Buhūtī, *Daqāiq Ūlī al-Nuhā li Sharḥ al-Muntahā* (Beirut: Dār 'Ālim al-Kutub, 1993) 1:44.

WHO adalah semua prosedur yang melibatkan proses memotong dan mencederakan sebahagian atau ke semua bahagian luar genital wanita untuk tujuan bukan perubatan[27]. Menurut kajian Momoh (2010), amalan FGM ini diamalkan oleh 28 negara benua Afrika, sebahagian kecil negara benua Asia dan sebahagian negara-negara timur tengah.[28] WHO juga mengklasifikasikan amalan ini kepada empat jenis seperti berikut:

a) *Clitoridectomy*: Pembuangan sebahagian kulit yang berada di atas biji kelentit atau kesemuanya dan/atau membuang sebahagian biji kelentit tersebut.
b) *Excision*: Pembuangan sebahagian atau keseluruhan klitoris dan labia minora, dengan atau tanpa pembuangan labia majora.
c) *Infibulation*: Bukaan vagina disempitkan dengan cara menutup atau menetapkan semula kedudukan labia minora dan/atau labia majora, dengan/tanpa pembuangan klitoris.
d) Semua jenis prosedur yang menyakitkan dan mencederakan alat kemaluan wanita untuk tujuan bukan perubatan seperti menusuk, melukakan, atau menuris.[29]

Rajah 2: Jenis-jenis FGM yang dilarang oleh WHO




27 World Health Organization, "Female Genital Mutilation", diakses 25 Januari 2022, https://www.who.int/news-room/fact-sheets/detail/female-genital-mutilation.

28 Comfort Momoh, "Female Genital Mutilation", *Trends in Urology Gynaecology & Sexual Health* (2010) 11-14.

29 World Health Organization, "Female Genital Mutilation".

Sumber: Laman sesawang R.AGE[30]

Masalah amalan FGM yang telah sebati dalam sebahagian masyarakat telah pun dibuat kajian oleh WHO sejak 1959 apabila *United Nation Commision on Human Right* (UNCHR) membangkitkan isu ini. Pada pertengahan tahun 70-an, kemunculan kelompok feminis yang berperanan ketika itu menuntut agar FGM ini dihapuskan dan diharamkan[31]. Pada tahun 1997, WHO bersama *United Nations Children's Fund* (UNICEF) dan *United Nations Population Fund* (UNFPA) membuat kenyataan bersama dalam melarang serta mengharamkan amalan FGM[32]. Pada tahun 2016, buat julung kalinya WHO telah mengeluarkan sebuah garis panduan berasaskan bukti mengenai komplikasi yang dihadapi untuk pengalaman FGM.[33]

Walau bagaimanapun, terdapat proses yang terkecuali daripada pengharaman WHO ini. Proses ini dipanggil sebagai *Female Genital Cosmetic Surgery* (FGCS).[34] Ini merupakan proses pembedahan bagi membaik pulih bahagian kemaluan wanita yang bertujuan meningkatkan keselesaan wanita dan tahap seksualitinya.[35] Antara pembedahan FGCS ialah *clitoral hood reduction* atau juga dipanggil sebagai hoodektomi. Hoodektomi ialah proses membuang bahagian kulit (*prepuce*) yang berada

30 Chen Yih Wen dan Myrra Baity, "The Hidden Cut", diakses 25 Januari 2022, https://www.rage.com.my/the-hidden-cut/.

31 Armello Andro dan Marie Lesclingand, "Female Genital Mutilation: Overview and Current Knowledge," *Population* 71, no. 2 (2016) 217-296.

32 World Health Organization, "Female Genital Mutilation".

33 World Health Organization, WHO Guidelines on the Management of Health Complications From Female Genital Mutilation (Switzerland, World Health Organization, 2016) 1.

34 M. Ihsan Karaman, "Female Circumcision Debate: A Muslim Surgeon's Perspective", *Turkish Journal of Urology*, 47: 3 (2021) 193-198.

35 Peter F. Schnatz et al., "Elective Female Genital Cosmetic Surgery", *The American College of Obstetricians and Gynecologist*, 135: 1 (2020) 36-42.

di atas klitoris yang bertujuan untuk meningkatkan sensitiviti klitoris.[36]

Rajah 3: Gambar proses hoodektomi




Sumber: Laman sesawang Dr. Dana Sawan[37]

Yang menjadi persoalan, pembedahan ini seperti FGM jenis yang pertama. Namun, WHO mengatakan pembedahan ini tidak mempunyai apa-apa bahaya malah menyamakan pembedahan ini seperti *khitān* lelaki.[38] Manakala khitān wanita ialah suatu proses membuang sebahagian kecil sahaja kulit bahagian atas klitoris yang berbentuk seperti balung ayam jantan dan had wajib adalah memotong bahagian paling hujung dan bukan klitorisnya.[39]

Menurut Jamāl Abū al-Sarūr dan Aḥmad Rajā' (2013), amalan khitān wanita yang diamalkan hanya amalan tradisi dan bukan sebahagian daripada syariat Islam. Menurutnya juga, Islam tidak

[36] John G. Hunter et al., "Labia Minora, Labia Majora and Clitoral Hood Alteration: Experience-Based Recommendations", *Aesthetic Surgery Journal*, 36: 1 (2016) 71-79.

[37] Dana Sawan, "Clitoral Hood Reduction", diakses pada 25 Januari 2021, https://drdanasawan.com/en/clitoral-hood-reduction/.

[38] M. Ihsan Karaman, "Female Circumcision Debate: A Muslim Surgeon's Perspective".

[39] Abū al-Hasan 'Alī bin Muḥammad al-Baghdādī al-Māwardī, *al-Ḥāwī al-Kabīr fī Fiqh Mazhab al-Imām al-Shāfi'ī*, ed. 'Alī Muḥammad Mu'awwaḍ dan 'Ādil Aḥmad (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1999) 13: 433. Lihat juga, Abū Zakariyyā Muḥyī al-Dīn Yaḥyā bin Sharaf al-Nawawī, *al-Majmū' Sharh al-Muhadhdhab* (t.tp.: Dār al-Fikr, t.t.) 1: 302.

mengajar umatnya mencederakan diri sendiri dengan suatu amalan yang tidak mempunyai apa-apa faedah.[40] Budaya *khitān* wanita ini juga dianggap sebagai peninggalan daripada kerajaan Mesir Purba dan disebut sebagai *pharaonic circumcision*. Kebanyakan negara yang dikatakan mengamalkan *pharaonic circumcision* ialah di benua Afrika.[41] Amalan *khitān* di Malaysia juga dianggap sebagai tradisi dan adat sejak turun temurun dalam kalangan orang Melayu.[42]

Menariknya, amalan *khitān* wanita yang dikatakan sebagai tradisi dan adat telah dihukumkan oleh ulama silam antara yang mewajibkan dan yang mengatakan ianya sunat. Sekiranya ianya hanya sebuah tradisi dan adat, bagaimana mungkin ia memengaruhi sesebuah hukum sehingga ada yang mengatakan amalan ini wajib? Selain itu, kebanyakan hukum yang diberikan oleh mereka akan didatangkan dengan syarat jangan berlebihan dalam memotong. Justeru itu, kajian ini diperlukan dalam memberi penjelasan berkenaan hakikat, konsep dan had *khitān* wanita yang sebenar dan perbezaannya dengan FGM yang dilarang oleh WHO.

## PERSELISIHAN PENDAPAT ULAMA KONTEMPORARI

Dalam komuniti ulama kontemporari terdapat mereka yang tidak bersetuju amalan *khitān* wanita ini diteruskan dan dalam kalangan mereka juga ada yang masih berpegang pada hukum yang telah diputuskan oleh ulama silam.

---

40 Jamāl Abū al-Sarūr dan Aḥmad Rajā', "Khitān al-Ināth", 10-11.

41 Boddy Janice, "Womb as oasis: the symbolic context of pharaonic circumcision in rural Northern Sudan." *American Ethnologist*, 9:4 (1982) 682-698.

42 Manar Al-Adam, "Malaysia's Anti-FGM Advocates: Leave Our Bodies Alone", dikemaskini 7 Februari 2020, diakses 26 Januari 2022, https://www.aljazeera.com/news/2020/2/7/malaysias-anti-fgm-advocates-leave-our-bodies-alone.

Jadual 2: Pendapat tokoh kontemporari mengenai permasalahan hukum *khitān* wanita

| Bil | Tokoh Kontemporari | Hukum |
|---|---|---|
| 1. | Jād al-Ḥaq ʻAlī Jād al-Ḥaq (w. 1335 H) | *Khitān* wanita adalah salah satu daripada syariat Islam. Wujud khilaf dalam kalangan ulama antara yang berpendapat amalan ini wajib dan sunat.[43] |
| 2. | Maḥmūd Shaltūt (w. 1382 H) | *Khitān* wanita tidak digalakkan kerana ianya tidak mendatangkan faedah seperti khitān lelaki. Pun begitu, tidak mustahil ianya bersifat *makrūmah* (kemuliaan) bagi wanita.[44] |
| 3. | ʻAbd al-ʻAzīz bin Bāz (w. 1420 H) | *Khitān* wanita adalah sunat seperti *khitān* lelaki jika ada yang berkeahlian mempraktik amalan tersebut.[45] |
| 4. | Muḥammad bin Ṣāliḥ bin ʻUthaymīn (w. 1421 H) | *Khitān* adalah wajib bagi lelaki dan sunat bagi wanita.[46] |
| 5. | Wahbah al-Zuhaylī (w. 1436 H) | *Khitān* wanita bagi mazhab Hanafi dan Maliki adalah sunat, manakala mazhab al-Shāfiʼī dan Hanbali mewajibkan amalan ini[47]. |

43 Dār al-Iftā' al-Miṣriyyah, *Fatāwī Dār al-Iftā' al-Miṣriyyah* (Kaherah: t.p., 1895) 2: 209.

44 Maḥmūd Shaltūt, *al-Fatāwā: Dirāsah li Mushkilāt al-Muslim al-Mu'āṣir fī Ḥayātihi al-Yawniyyah wa al-ʻĀmmah* (Kaherah: Dār al-Shurūq, 2001) 333-334.

45 ʻAbd al-ʻAzīz bin ʻAbd Allāh bin Bāz, *Majmū' Fatāwā wa Maqālāt Mutanawwi'ah* (Saudi: Riāsah Idārah al-Buḥūth al-ʻIlmiyyah wa al-Iftā' bi al-Mamlakah al-ʻArabiyyah al-Sa'ūdiyyah, t.t.) 10: 46

46 Muḥammad bin Ṣāliḥ bin ʻUthaymīn, *al-Liqā' al-Shahrī* (t.t.p.: Durūs Ṣawtiyyah Qāma bi Tafrīghihā Mawqi' al-Shabakah al-Islāmiyyah, 2010) 54: 23.

47 Wahbah bin Muṣṭafā al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh* (Damsyik: Dār al-Fikr, 1985) 1: 460

| | | |
|---|---|---|
| 6. | Yūsuf al-Qarḍāwī | *Khitān* wanita adalah harus dan boleh menjadi haram sekiranya mendatangkan mudarat.[48] |
| 7. | ‘Alī Jumu’ah | *Khitān* wanita adalah haram di sisi syarak kerana tiada dalil yang sahih untuk disandarkan hukum ini, malah ianya akan mendatangkan mudarat.[49] |

Sumber: Analisis Pengkaji

Jika dilihat daripada jadual ini, 3 daripada 7 tokoh kontemporari seolah tidak selari dengan aliran mazhab yang empat dengan berpendapat bahawa *khitān* wanita bukanlah sesuatu yang disyariatkan. Malah ‘Alī Jumu’ah berpendapat ianya haram kerana tiada dalil yang boleh disandarkan berkenaan permasalahan ini. Justifikasinya, perbezaan realiti, masa dan data juga mempengaruhi akan pendapat-pendapat mereka. Sebagai contoh, Dār al-Iftā’ al-Miṣriyyah sebuah badan fatwa yang berautoriti di Mesir menyatakan hukum *khitān* perempuan adalah haram[50], manakala al-Lajnah al-Dāimah yang merupakan badan fatwa yang berautoriti di Arab Saudi mewartakan bahawa khitān wanita adalah suatu amalan yang disyariatkan dan hukumnya adalah sunat.[51]

## ISU HADIS AMALAN *KHITĀN* WANITA

Konflik amalan khitān wanita ini juga berpunca daripada masalah sumber pendalilan hukum ini. Dakwaan tiada sebarang dalil

48 Yūsuf al-Qarḍāwī, “al-Ḥukm al-Shar’ī fī Khitān al-Ināth”, diakses 25 Januari 2022, https://www.al-qaradawi.net/node/4306.

49 Jamāl Abū al-Surūr et al., *Khitān al-Ināth Bayna al-Maghlūṭ ‘Ilmiyyan wa al-Multabis Fiqhiyyan* (Mesir: al-Markaz al-Duwalī al-Islāmī li al-Dirāsat wa al-Buhūth al-Sakaniyyah, 2013) 20.

50 Fatāwā Dār al-Iftā’, “Khitān al-Ināth”, dikemaskini 28 November 2011, diakses 25 Januari 2022, https://www.dar-alifta.org/ar/fatawa/14888/%D8%AE%D8%AA%D8%A7%D9%86-%D8%A7%D9%84%D8%A7%D9%86%D8%A7%D8%AB.

51 al-Riāsah al-‘Āmah li al-Buḥūth al-‘Ilmiyyah wa al-Iftā’, “Khitān al-Nisā’ *Makrumah*”, diakses 25 Januari 2022, https://www.alifta.gov.sa/Ar/IftaContents/Pages/FatawaChapters.aspx?cultStr=ar&View=Page&PageID=1448&PageNo=1&BookID=3.

daripada al-Qur'ān yang jelas sebagai kelangsungan amalan ini menjadi hujah bagi kelompok yang membantah amalan ini diteruskan. Selain itu, status ḥadīth-ḥadīth yang diguna pakai sebagai dalil amalan *khitān* wanita ini juga dipersoal akan keautoritiannya.[52] Malah berkaitan ḥadīth-ḥadīth ini juga, diperselisihkan oleh para ulama yang lepas. Ḥadīth yang sering diperdebat ialah ḥadīth:

عَنْ أُمِّ عَطِيَّةَ الْأَنْصَارِيَّةِ: «أَنَّ امْرَأَةً كَانَتْ تَخْتِنُ بِالْمَدِينَةِ فَقَالَ لَهَا النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لَا تُنْهِكِي فَإِنَّ ذَلِكَ أَحْظَى لِلْمَرْأَةِ وَأَحَبُّ إِلَى الْبَعْلِ».

> Terjemahan: *Daripada Umm 'Atiyyah: Bahawasanya di Madinah ada seorang wanita yang pekerjaannya mengkhitān wanita, kemudian Rasulullah SAW bersabda: Jangan berlebihan di dalam memotong, kerana yang demikian itu lebih nikmat bagi wanita dan lebih disenangi suaminya.*[53]

Berlaku perselisihan antara tokoh pengkritik hadith dalam menentukan status hadis ini. Perselisihan tersebut seperti jadual di bawah:

---

52 M. Ihsan Karaman, "Female Circumcision Debate: A Muslim Surgeon's Perspective". 197.

